



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KOMPETENSI GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING BERPANDUKAN
MODEL PENGURUSAN PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN
KAUNSELING KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

MAD ISLAIHI BIN SABDARI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BIMBINGAN DAN
KAUNSELING)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap kompetensi Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) dari aspek kompetensi pengetahuan dan kompetensi kemahiran berpandukan Model Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia (Model KPM). Kajian ini turut bertujuan mengukur tiga bidang kompetensi GBK iaitu bidang penghantaran, bidang pengurusan dan pentadbiran dan bidang pengurusan program. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengukur korelasi antara kompetensi GBK dengan tempoh perkhidmatan. Reka bentuk kajian tinjauan digunakan dalam kajian ini dan melibatkan sampel seramai 205 GBK di negeri Sabah yang dipilih secara rawak mudah daripada 437 populasi. Data dikumpul menggunakan Inventori Kompetensi Guru Kaunseling (IKGK) secara atas talian yang telah diuji dan disahkan mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, dan seterusnya analisis kuantitatif secara deskriptif menggunakan peratusan dan min, serta analisis inferensi menggunakan statistik spearman rho digunakan. Hasil kajian menunjukkan kompetensi GBK adalah pada tahap yang tinggi. Hasil kajian juga menunjukkan ketiga-tiga bidang kompetensi GBK iaitu penghantaran, pengurusan dan pentadbiran dan pengurusan program juga pada tahap yang tinggi. Di samping itu, hasil kajian juga menunjukkan terdapat korelasi yang signifikan positif antara kompetensi pengetahuan dalam ketiga-tiga bidang iaitu penghantaran, pengurusan dan pentadbiran, dan pengurusan program dengan tempoh perkhidmatan. Selain daripada itu, hasil kajian menunjukkan terdapat korelasi positif yang signifikan antara kompetensi kemahiran dalam dua bidang kompetensi iaitu penghantaran dan pengurusan dan pentadbiran dengan tempoh perkhidmatan. Implikasi kajian ini menunjukan GBK di negeri Sabah adalah kompeten dari aspek pengetahuan dan kemahiran iaitu dalam bidang penghantaran, pengurusan dan pentadbiran, dan pengurusan program. Kajian ini juga menunjukkan Model KPM boleh dijadikan sebagai model penilaian kompetensi GBK.





COMPETENCY OF GUIDANCE AND COUNSELING TEACHERS BASED ON GUIDANCE AND COUNSELING SERVICES MANAGEMENT MODEL MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA

ABSTRACT

This study aims to measure the level of competency of Guidance and Counseling Teachers (GBK) from the aspect of knowledge competence and skills competence based on Guidance and Counseling Service Management Model, Ministry of Education Malaysia (Model KPM). This study also aims to measure the level of three areas of competency of GBK, namely delivery, management and administration and program management. In addition, this study also aims to measure the correlation between competency of GBK and years of service. A survey design was used in this study and sample of 205 GBK in the state of Sabah were selected randomly from 437 population. Data collected using the Counseling Teacher Competency Inventory (IKGK) via on-line that has been tested and verified to be highly validity and reliability, and subsequently quantitative analyzed by descriptive using percentage and mean, and inferential analysis using Spearman rho statistic were used. The results showed that the competency of GBK were at a high level. The study also showed that three areas of competency of GBK namely delivery, management and administration and program management were also at a high level. The results also showed a significant positive correlation between knowledge competence in all three areas of competency, namely the delivery, management and administration and program management with years of service. In addition, the results showed that there were significant positive correlation between skills competence in two areas of competency, namely the delivery and management and administration with years of service. The implications of study showed that the GBK in Sabah were competent in terms of knowledge and skills in the field of delivery, management and administration, and the program management. The study also showed that the KPM Model could be used as an evaluation model of GBK's competency.





KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN ii

PENGHARGAAN iii

ABSTRAK iv

ABSTRACT v

KANDUNGAN vi

SENARAI JADUAL xii

SENARAI RAJAH xv



SENARAI SINGKATAN



xvi

SENARAI LAMPIRAN xvii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 1

1.3 Pernyataan Masalah 8

1.4 Objektif Kajian 10

1.5 Persoalan Kajian 12

1.6 Hipotesis Kajian 14

1.7 Pendekatan Teori 16



1.7.1	Model Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Kementerian Pelajaran Malaysia (Model KPM)	16
1.7.2	Model Kompetensi Iceberg	18
1.7.3	Model Kompetensi Maatsch	20
1.7.4	Model Kompetensi Elkin	21
1.8	Kerangka Kajian	23
1.9	Kepentingan Kajian	26
1.10	Definisi Konsep dan Definisi Operasional	29
1.10.1	Kompetensi Guru Bimbingan dan Kaunseling	29
1.10.2	Model Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	32
1.10.3	Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK)	38
1.10.4	Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Sabah	41
1.11	Batasan Kajian	42
1.12	Rumusan	43

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	45
2.2	Kajian Dalam Negara	46
2.3	Kajian Luar Negara	63
2.4	Rumusan	78

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	80
-----	------------	----



3.2	Reka Bentuk Kajian	81
3.3	Lokasi Kajian	82
3.4	Subjek Kajian	83
3.5	Alat Kajian	86
3.5.1	Bahagian A: Demografi	87
3.5.2	Bahagian B: Kompetensi Pengetahuan	88
3.5.3	Bahagian C: Kompetensi Kemahiran	88
3.6	Kajian Rintis	89
3.6.1	Kesahan Instrumen	90
3.6.2	Kebolehpercayaan Instrumen	96
3.7	Tatacara Kajian	97
3.8	Penganalisan Data	99
3.9	Pemarkatan	100
3.10	Rumusan	101

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	103
4.2	Demografi Subjek Kajian	103
4.2.1	Subjek Berdasarkan Jantina	104
4.2.2	Subjek Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	104
4.2.3	Subjek Berdasarkan Lokasi	105
4.3	Tahap Pengetahuan GBK Berpandukan Model KPM	106





4.3.1	Tahap Kompetensi Pengetahuan dalam Penghantaran Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Berpandukan Model KPM	107
4.3.2	Tahap Kompetensi Pengetahuan GBK dalam Pengurusan dan Pentadbiran Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Berpandukan Model KPM	108
4.3.3	Tahap Kompetensi Pengetahuan GBK dalam Pengurusan Program Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Berpandukan Model KPM	109
4.4	Tahap Kompetensi Kemahiran GBK Berpandukan Model KPM	111
4.4.1	Tahap Kompetensi Kemahiran dalam Penghantaran Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling berpandukan Model KPM	112
4.4.2	Tahap Kompetensi Kemahiran dalam Pengurusan dan Pentadbiran Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling berpandukan Model KPM	113
4.4.3	Tahap Kompetensi Kemahiran dalam Pengurusan Program Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling berpandukan Model KPM	114
4.5	Hubungan Antara Kompetensi Pengetahuan GBK Berpandukan Model KPM Dengan Tempoh Perkhidmatan	115
4.5.1	Hubungan Antara Kompetensi Pengetahuan GBK dalam Penghantaran Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling berpandukan Model KPM dengan Tempoh Perkhidmatan	116
4.5.2	Hubungan Antara Kompetensi Pengetahuan GBK dalam Pengurusan dan Pentadbiran Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling berpandukan Model KPM dengan Tempoh Perkhidmatan	117
4.5.3	Hubungan Kompetensi Pengetahuan GBK dalam Pengurusan Program Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling berpandukan Model KPM dengan Tempoh Perkhidmatan	118



4.6	Hubungan Kompetensi Kemahiran GBK Berpandukan Model KPM	119
4.6.1	Hubungan Kompetensi Kemahiran GBK dalam Penghantaran Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling berpandukan Model KPM dengan Tempoh Perkhidmatan	119
4.6.2	Hubungan Kompetensi Kemahiran GBK dalam Pengurusan dan Pentadbiran Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling berpandukan Model KPM dengan Tempoh Perkhidmatan	120
4.6.3	Hubungan Kompetensi Kemahiran GBK dalam Pengurusan Program Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling berpandukan Model KPM dengan Tempoh Perkhidmatan	121
4.7	Rumusan	122

BAB 5 PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan	123
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	123
5.3	Perbincangan	126
5.3.1	Tahap Kompetensi Pengetahuan GBK berpandukan Model KPM	126
5.3.2	Tahap Kompetensi Kemahiran GBK berpandukan Model KPM	133
5.3.3	Hubungan Kompetensi Pengetahuan GBK dengan Tempoh Perkhidmatan	140
5.3.4	Hubungan Kompetensi Kemahiran GBK dengan Tempoh Perkhidmatan	145
5.4	Rumusan Kajian	149
5.5	Implikasi Kajian	151



5.6 Masalah Dalam Menjalankan Kajian 154

5.7 Saranan Penyelidikan Pada Masa Akan Datang 155

5.8 Rumusan 157

RUJUKAN 158

LAMPIRAN 167



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
1.1	Aspek penilaian dan pemantauan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling, Bahagian Pengurusan Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (Buku Rekod Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling, KPM, 2014)	37
1.2	Jumlah Sekolah-Sekolah Menengah Harian di bawah Pejabat Pendidikan Gabungan (PPG) di Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) tahun 2012	41
3.1	Jumlah populasi Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) sekolah-sekolah harian di negeri Sabah	83
3.2	Jumlah GBK mengikut tempoh perkhidmatan	84
3.3	Jumlah item soalan bagi konstruk kompetensi pengetahuan	88
3.4	Jumlah item soalan bagi konstruk kompetensi kemahiran	89
3.5	Jadual Kesahan Item Berdasarkan Penilaian Pakar	90
3.6	Nilai Pekali Kesahan IKGK Berdasarkan Penilaian Pakar	95
3.7	Pekali Kebolehpercayaan IKGK	97
3.8	Analisis Data Deskriptif	100
3.9	Analisis Data Inferensi	100
3.10	Pengkelasan Nilai Min	101
4.1	Subjek Kajian Berdasarkan Jantina	104
4.2	Subjek Kajian Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	105
4.3	Subjek Kajian Berdasarkan Lokasi	106



4.4	Skor min kompetensi pengetahuan GBK berpandukan Model KPM	107
4.5	Skor min kompetensi pengetahuan GBK dalam bidang Penghantaran Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	108
4.6	Skor min kompetensi pengetahuan GBK dalam bidang pengurusan dan pentadbiran perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berpandukan Model KPM	109
4.7	Skor min kompetensi pengetahuan GBK dalam bidang penghantaran perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berpandukan Model KPM	110
4.8	Skor min kompetensi pengetahuan GBK berpandukan Model KPM	111
4.9	Skor min kompetensi kemahiran GBK dalam bidang penghantaran perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berpandukan Model KPM	112
4.10	Skor min kompetensi kemahiran GBK dalam bidang pengurusan dan pentadbiran perkhidmatan bimbingan dan kaunseling	113
4.11	Skor min kompetensi kemahiran GBK dalam pengurusan program perkhidmatan bimbingan dan kaunseling	114
4.12	Hubungan antara skor kompetensi pengetahuan GBK dalam bidang penghantaran dengan tempoh perkhidmatan sebagai GBK	116
4.13	Hubungan antara skor kompetensi pengetahuan GBK dalam bidang pengurusan dan pentadbiran dengan tempoh perkhidmatan sebagai GBK	117
4.14	Hubungan antara skor kompetensi pengetahuan GBK dalam bidang pengurusan program dengan tempoh perkhidmatan sebagai GBK	118
4.15	Hubungan antara skor kompetensi kemahiran GBK dalam bidang penghantaran dengan tempoh perkhidmatan sebagai GBK	120





- | | | |
|------|--|-----|
| 4.16 | Hubungan antara skor kompetensi kemahiran GBK dalam bidang pengurusan dan pentadbiran dengan tempoh perkhidmatan sebagai GBK | 121 |
| 4.17 | Hubungan antara skor kompetensi kemahiran GBK dalam bidang pengurusan program dengan tempoh perkhidmatan sebagai GBK | 122 |





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
1.1.	Model Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia. Diadaptasi dari Kementerian Pelajaran Malaysia, 2015; Abdul Malek et. al. 2012	18
1.2.	Model Kompetensi Iceberg HayMcBer. Diadaptasi dari Malek Shah & Liew Swee, (2002)	19
1.3.	Model Kompetensi Klinikal Maatsch. Diadaptasi dari Maatsch (1990)	20
1.4.	Model Kompetensi Elkin. Diadaptasi dari Elkin 1990	22
1.5.	Kerangka Konsep Kajian. Diadaptasi dari Model Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia; Abdul Malek Abd Rahman (2013); Model Kompetensi Iceberg HayMcBer, Model Kompetensi Maatsch dan Model Kompetensi Elkin	25
3.1.	Proses Persampelan Subjek Kajian	85





SENARAI SINGKATAN

ASCA	<i>American School Counselor Association</i>
CARCEP	<i>Council for Accreditation of Counseling and Related Educational Programs</i>
GBK	Guru Bimbingan dan Kaunseling
IKGK	Inventori Kompetensi Guru Kaunseling
JPNS	Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
Model KPM	Model Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia.
OKU	Orang Kurang Upaya
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPDK	Pejabat Pendidikan Daerah Kecil
SPSS	<i>Statistical Package for Social Scienc</i>





SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Perlantikan Penyelia.
- B Surat Pengesahan Pelajar Untuk Membuat Penyelidikan.
- C Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- E Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.
- F Inventori Kompetensi Guru Kaunseling (IKGK)
- G Analisis Data SPSS





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, pendekatan teori yang relevan, kerangka kajian, kepentingan kajian, definisi konsep dan definisi operasional kajian serta batasan kajian. Kesemua sub tajuk ini akan dihuraikan dengan lebih terperinci di dalam bab ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Individu yang kompeten adalah satu aset yang amat bernilai dalam sesebuah organisasi. Ini kerana kompetensi setiap individu itu tidak boleh ditiru dan tidak akan sama dengan individu lain dalam mana-mana organisasi. Justeru itu, McClelland





(1973, 1985) dalam Boyatzis (2011) mengungkapkannya sebagai ‘tulang belakang’ organisasi. Menurutnya, individu yang mempunyai tahap kompetensi yang tinggi akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan kesan yang sangat tinggi (*high impact*) demi kecemerlangan organisasi berkenaan.

Menurut American School Counselor Association (2012) dan Institusi Aminuddin Baki (2005) kompetensi merujuk kepada nilai profesional, pengetahuan dan kemahiran yang mesti ada pada seorang individu dalam organisasi. Pendapat ini selari dengan kenyataan oleh Vathanophas & Thaingam (2007) bahawa kompetensi ialah pengetahuan, kemahiran, kebolehan, trait dan perlakuan seseorang untuk menjalankan tugasnya dalam satu-satu profesion.



Malah pendapat ini disokong oleh Boyatzis (2008; 2011) dan McClelland (1973, 1985) dalam Boyatzis (2011) yang mentakrifkan kompetensi ialah keupayaan dan kebolehan seseorang. Keupayaan dan kebolehan ini akan melahirkan niat seseorang untuk bertindak melakukan sesuatu pekerjaan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ishak (2004) bahawa kompetensi adalah keupayaan seseorang melaksanakan tugas seharian dalam organisasi. Keupayaan itu mestilah menepati piawaian yang ditetapkan oleh organisasi, berkemahiran menyiapkan tugas yang diamanahkan dengan jayanya, mempunyai pengetahuan mencukupi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab serta mempunyai kemahiran menjalankan tugas secara praktik.

Selain itu kompetensi juga akan memastikan setiap individu berada tepat pada kemahiran dan pekerjaannya untuk menghasilkan output yang betul dan berguna





kepada organisasi (Deshmukh et al., 2012). Manakala seseorang pekerja yang kurang kompeten hanya melaksanakan tugas dengan menyiapkan kerjanya sahaja. Mereka sekadar memenuhi keperluan tanpa memikirkan inovasi dan kreativiti dalam pekerjaannya (Ishak, 2004; Boyatzis 2011; Neukrug & Milliken, 2011). Hal ini membawa kepada implikasi yang tidak baik kepada pembangunan organisasi.

Ini bermakna, elemen kompetensi dalam diri seseorang adalah sangat penting dan bernilai tinggi untuk menjadi pekerja yang berkualiti. Bahkan ianya mampu membentuk dan melahirkan komuniti yang berdaya upaya dalam segenap aspek kehidupan demi pembangunan sebuah organisasi dan masyarakat (Samir Muhazzab & Sara Shakilla, 2012). Elemen kompetensi dalam diri seseorang pekerja organisasi boleh dipupuk dan diperolehi melalui latihan, komitmen, dan sikap positif yang berterusan pada diri setiap individu berkenaan (American School Counselor Association., 2012; Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia., 2006; R. Boyatzis, 2008).

Oleh yang demikian, kompetensi sudah pasti merupakan aset utama kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) dalam melaksanakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang berkualiti di sekolah. Hal ini terbukti apabila pakar psikologi meletakkan kompetensi sebagai prasyarat utama untuk menjadi seorang kaunselor yang berkesan (Grunebaum, 1983; Neukrug & Williams, 1993; Neukrug, Miliken, & Shoemaker, 2001) dalam Neukrug & Milliken, (2011).

Justeru, GBK yang merupakan pengurus organisasi dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah seharusnya mempunyai tahap kompetensi tinggi





dalam menjalankan tugas yang diamanahkan. Ini kerana Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memberikan latihan kepada semua GBK secara kolektif sejak kewujudannya pada tahun 1969 sehingga kini (Kementerian Pendidikan Malaysia., 2015). Kursus yang diberikan adalah peringkat sijil, diploma, ijazah sarjanamuda, ijazah sarjana dan doktor falsafah dalam bidang bimbingan dan kaunseling di institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta.

Menurut Abdul Malek, Nor Junainah, & Azizah, (2013) latihan yang telah diterima oleh GBK di institusi-institusi pengajian tinggi adalah mencukupi. Ini menjadikan GBK mempunyai tahap kompetensi yang tinggi bagi mewujudkan keyakinan dalam menguruskan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling secara kolektif dan profesional. Namun adakah GBK dapat mengimplimentasikan pengetahuan dan kemahiran yang telah mereka pelajari dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah-sekolah di Malaysia.

Kajian tentang pola pengetahuan, kefahaman penggunaan teori kaunseling yang merupakan salah satu komponen kompetensi oleh Ahmad Jazimin (2008) ; Zakaria (2010) dan Johari (2010) mendapati kaunselor-kaunselor di Malaysia mempunyai tahap kompetensi yang sederhana. Manakala kajian oleh Raudhah (2010) terhadap kemahiran asas mikro GBK mendapati kemahiran dan pengetahuan GBK di tahap sederhana. Namun, Faizah & Nagarajan (2012) mendapati bahawa kompetensi GBK mempunyai tahap kecekapan yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa GBK atau kaunselor perlu sentiasa bersedia meningkatkan kompetensi pengetahuan dan kemahiran kaunseling dari semasa ke semasa untuk menjadi GBK yang berkesan sepertimana yang disarankan oleh Samsiah (2012).





Justeru, sebagai langkah untuk penambahbaikan, Abdul Halim (1999) mencadangkan agar perkhidmatan kaunseling di sekolah perlu melalui proses pemantapan dan transformasi yang melibatkan elemen pengetahuan dan kemahiran. Pendapat ini disokong oleh Carlos & Seriashia (2012) dan Samsiah (2012) yang menyatakan bahawa kaunselor perlu sentiasa mengemas kini pengetahuan dan kemahiran mereka untuk menghadapi keperluan dan jangkaan profesion mereka.

Kajian oleh Bakar, Mohamed, & Zakaria (2011) dan Ifdil & Faizah (2013) mendapati bahawa kaunselor di Malaysia dan Indonesia mempunyai tahap kompetensi yang sederhana namun bersikap positif terhadap tugas-tugas mereka. Walau bagaimanapun, nilai positif terhadap kerja ini perlu ditingkatkan. Ini disebabkan oleh profesion kaunseling yang memerlukan komitmen individu agar perkhidmatan berkualiti lagi berkesan dapat diberikan. Salah satu cara untuk meningkatkannya adalah dengan menguasai kemahiran dan pengetahuan dalam bidang menolong melalui pembelajaran berterusan.

Hal ini selaras dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2016 -2025 yang menyatakan bahawa profesion keguruan perlu ditransformasikan melalui peningkatan pengetahuan dan kemahiran. Oleh itu kajian terhadap kompetensi pengetahuan dan kemahiran GBK terhadap pelaksanaan Model KPM perlu dijalankan bagi mengenalpasti kompetensi mereka selaras dengan kehendak dan keperluan KPM. Apatah lagi kompetensi seseorang boleh dinilai dan diukur dengan menggunakan salah satu model kompetensi atau pengurusan yang diiktiraf dalam mana-mana organisasi.





Kenyataan ini bertepatan dengan American School Counselor Associations (2012); Holt & Simon (2011) dan Boyatzis (2011) yang menjelaskan bahawa perlu ada beberapa cara atau model untuk mengukur dan menilai pengetahuan, kemahiran dan kelayakkan diri dalam satu-satu perkhidmatan bagi menunjukkan kompetensi seseorang. Malah menurut Melissa, Stephanie, Norman, Keith, & Bragg (2013) sesuatu model diperlukan oleh kaunselor dalam sesuatu organisasi agar lebih fokus dan terarah dalam perkhidmatannya. Di samping itu, ianya akan menggalakkan kualiti dan akauntabiliti kaunselor dalam pengurusan dan pentadbiran program-program kaunseling secara menyeluruh.

Hal ini amat sesuai dengan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah menerbitkan model pengurusan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling pada tahun 1984, 1993 dan 2010 (Abdul Malek et al., 2013). Menurut Suradi (2004), model ini merupakan rujukan dan panduan utama kepada semua GBK dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Model ini diperkenalkan secara komprehensif di sekolah-sekolah Malaysia bertujuan menjalankan semula panduan yang sedia ada dalam perkhidmatan kaunseling dalam membantu perkembangan kehidupan pelajar secara holistik (Kementerian Pendidikan Malaysia., 2015).

Melalui model ini, kaunselor berperanan sebagai agen yang membangunkan pengetahuan dan kemahiran pelajar melalui pengalaman berstruktur yang direka untuk menyokong pelajar dalam mengembangkan kemahiran yang diperlukan agar berfungsi sebagai warganegara yang bertanggungjawab dan produktif. Di samping itu ia dapat





memberi panduan kepada GBK dalam mewujudkan kerjasama dengan pelbagai pihak (Abdul Malek et al., 2013; Carlos & Seriashia, 2012; Amla, Zuria, & Salleh, 2009).

Model ini merangkumi tiga aspek utama perkhidmatan iaitu pengurusan dan pentadbiran; penghantaran; dan pengurusan program (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Pengurusan dan pentadbiran merangkumi rancangan tahunan, sesi kaunseling, penilaian maklumat, penempatan dan susulan, bimbingan dan kaunseling disamping kerja pentadbiran dan perkeranian (Abdul Malek et al., 2013). Selain itu GBK bukan sahaja terlibat dengan bimbingan dan kaunseling di dalam kelas malah diperlukan untuk menganjurkan pelbagai program sekolah, menyediakan perkhidmatan kaunseling individu dan kaunseling kelompok disamping perkhidmatan perundingan dan penyelidikan.



Oleh yang demikian, model ini bertepatan dengan keperluan untuk menjana kepimpinan diri GBK melalui peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran sepertimana yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM). Persoalannya, adakah tahap kecemerlangan kompetensi GBK masa kini memenuhi kehendak dan keperluan Model Pengurusan KPM dalam melaksanakan perkhidmatan mereka.

Justeru, kajian ini melihat tahap kompetensi GBK yang mereka telah perolehi melalui latihan yang berterusan diimplimentasikan berpandukan Model Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pengurusan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah menengah di negeri Sabah.





1.3 Pernyataan Masalah

Kompetensi adalah elemen yang penting dan bermakna bagi GBK dalam melaksanakan perkhidmatan yang efisien di sekolah-sekolah seluruh Malaysia. Ianya merupakan penanda aras kepada tanggungjawab profesional, etika dan piawai latihan GBK dalam menyediakan gambaran sebenar kecemerlangan perkhidmatan kaunseling yang mereka jalankan selama ini. Namun, terdapat tanggapan bahawa wujud masalah ketidakcekapan dan kekurangan kompetensi dalam kalangan GBK di Malaysia.

Ini dibuktikan oleh Suradi (1992) dalam kajiannya terhadap GBK diseluruh Malaysia yang mendapati bahawa GBK kurang pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan tugas dan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Malah dapatan ini selari dengan kajian Ching Mey & Kok-Mun (2010) dan Johari (2009) bahawa GBK yang dilantik kurang pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan perkhidmatan kaunseling. Akibatnya, berlaku ketidaklancaran pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Malaysia.

Hasil kajian ini disokong oleh Abdul Malek et al., (2013) dengan menyatakan bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Malaysia belum lagi menampakkan kecemerlangannya walaupun telah hampir 50 tahun diperkenalkan di sekolah-sekolah Malaysia. Walhal, sambutan terhadap perkhidmatan kaunseling semakin meningkat dalam kalangan masyarakat di Malaysia (Abdul Halim, 1999; Suradi, 2004; Ching Mey & Kok-Mun, 2010).

Menurut ASCA (2012) kajian terhadap model kaunseling perlu dijalankan. Ia bertujuan untuk menilai tahap kompetensi kaunseling GBK yang ada selari dengan





falsafah, misi, visi, prinsip, etika dan program kaunseling yang digariskan dalam model berkenaan. Kajian terhadap model kompetensi GBK telah dijalankan oleh Erin (2011); Dobmeier (2011); Deedre (2013); McKeown, (2006) terhadap Model ASCA dan CACREP. Kajian-kajian ini melihat tahap keupayaan kaunselor sekolah menggunakan model ini dalam mengimplimentasikan kompetensi mereka agar selari dengan kehendak dan keperluan.

Walau bagaimanapun, berdasarkan tinjauan literatur penyelidik, tiada kajian secara empirikal menunjukkan kompetensi GBK berpandukan Model KPM. Malah data-data kajian kompetensi GBK di Malaysia yang terkumpul sebelum ini tidak menyokong model ini. Walhal model ini telah wujud dan dijadikan sumber rujukan utama sejak perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ditubuhkan dalam sistem pendidikan Malaysia. Apatah lagi tiada penanda aras untuk mengukur kompetensi GBK di Malaysia.

Justeru itu, bagi mengisi lompong kajian, penyelidik berpendapat bahawa kajian kompetensi GBK berpandukan Model KPM perlu dilakukan. Perkara ini penting untuk menilai tahap kompetensi kaunseling GBK yang ada selari dengan falsafah, misi, visi, prinsip, etika dan program kaunseling yang digariskan oleh Model KPM.

